

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)13

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

13. Projek Pakej 2 : Bandar Baru Air Itam ke Lebuhraya Ekspres Tun Dr Lim Chong Eu.
- (a) Apakah status pembinaan laluan setakat ini dan bila dapat disempurnakan?
 - (b) Mengenai kejadian aktiviti letupan batu yang berlaku di Pangsapuri Jayseries, bagaimana pihak Kerajaan Negeri memastikan agar kejadian ini tidak akan berulang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Setakat ini, kerja-kerja pembinaan sedang giat dilaksanakan di semua seksyen (jajaran) sepanjang 6 km melibatkan kerja-kerja seperti kerja-kerja *foundation* (piling), pembinaan jejambat (viaducts), kerja-kerja tanah (rock blasting, cut & fill), kerja-kerja turapan jalan dan sistem saliran, kerja pemotongan dan pengukuhan cerun serta pembinaan tembok penahan (RE Wall).

Status kemajuan kerja sehingga Mac 2024 ialah 53% (sebenar) berbanding 61% (jadual) manakala projek dijangka siap disempurnakan pada akhir 2025.

- (b) Kejadian yang berlaku adalah berpunca daripada kerja-kerja letupan batu di mana sebahagian kecil percikan tanah merah/laterait (soil lump) telah menyebabkan kerosakan pada sebahagian kecil fasiliti dan kereta di kawasan kondominium. Bahan tanah merah adalah merupakan lapisan keselamatan yang diletakkan untuk mengelakkan ledakan batu dalam proses kerja *rock-blasting*.

Kerajaan Negeri melalui *Penang Infrastructure Corporation* (PIC) telah mengeluarkan arahan kepada pihak kontraktor untuk mengambil beberapa langkah dan tindakan dalam memastikan kejadian letupan tidak berulang. Berikut adalah tindakan dan langkah yang diambil :

- (i) Mengurangkan kedalaman *drilling* dan kuantiti bahan-bahan letupan daripada kadar biasa;
- (ii) Memperluaskan perimeter letupan prosedur keselamatan

yang telah diluluskan oleh pihak Jabatan Mineral dan Galian (JMG);

- (iii) Membuat analisa lebih terperinci mengenai kemungkinan kewujudan *air pocket* sebelum kerja letupan dilaksanakan;
- (iv) Melaksanakan *real time monitoring* sebelum dan selepas kerja-kerja letupan; dan
- (v) Menggunakan *specialized blasting mat* untuk mengurangkan sebarang risiko di kawasan sekeliling.